

PROMOSI AKAUN GAJI/-i DEPOSIT TETAP/-i

Last updated on 10 April 2018

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Akaun/Akaun Gaji/-i Deposit Tetap/Deposit Tetap/-i” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”) [kemudian daripada ini disebut secara kolektif sebagai “Bank”] bermula dari 23 April 2018 hingga 31 Januari 2019 (termasuk kedua-dua tarikh) (“Tempoh Promosi”) melainkan diberitahu sebaliknya.

Terma dan Syarat

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut.

Kelayakan

1. Promosi terbuka kepada seluruh pelanggan Akaun / Akaun Gaji-i Sertaan yang baharu dan/atau sedia ada (seperti diperuntukkan dalam Fasal 2 di bawah) sebelum ini tidak mempunyai Akaun Deposit Tetap/Akaun Deposit Tetap-i Hong Leong dengan Bank yang merupakan pelanggan individu warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia (“Pelanggan”).
2. Akaun/Akaun Gaji -i Sertaan (“**CASA/CASA-i Namaan**”) bagi Promosi ini adalah seperti berikut:-
 - (a) Akaun Simpanan Asas /Akaun Simpanan Gaji-i;
 - (b) Akaun Simpanan /Akaun Simpanan Gaji-i; dan
 - (c) Akaun Pay&Save /Akaun Gaji-i.
3. Akaun FD/FD-i Sertaan (“**Akaun FD/FD-i**”) bagi Promosi ini adalah seperti berikut:-
 - (a) Deposit Tetap Konvensional: dan
 - (b) Deposit Tetap-i .
4. Promosi terbuka kepada Dana Baharu sahaja. “Dana Baharu” ditakrif sebagai:
 - (a) Wang tunai, FPX, pindahan segera, GIRO antara bank, dana baharu diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam Akaun FD/FD-i Pelanggan sedia ada atau baharu yang dibuka dengan Bank. Bagi tujuan ini, dana baharu mestilah diletakkan dan didepositkan ke dalam Akaun FD/FD-i Pelanggan yang sedia ada atau baharu dalam masa tujuh (7) hari pindahan kepada Bank; dan
 - (b) Hasil penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Promosi yang didepositkan semula ke dalam mana-mana Akaun Semasa dan Simpanan / Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Bank (“**CASA/CASA-i**”).
5. Yang berikut ini tidak dianggap sebagai “Dana Baharu”:
 - (a) FD/FD-i yang matang atau pengeluaran pramatang FD/FD-i daripada mana-mana akaun FD-i sedia ada;
 - (b) Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada akaun HLB / HLISB yang lain (sama ada CASA/CASA-i, FD/FD-i atau Akaun Pelaburan Am (“**GIA**”); dan
 - (c) Pindahan antara dan / atau intra cawangan di dalam Bank termasuk pindahan akaun pihak ketiga (ke-3).
6. Pelanggan berikut TIDAK layak menyertai Promosi:
 - i. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan / atau HLISB atau telah diisyiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi;
 - ii. Pelanggan yang ditentukan oleh HLB dan/atau HLISB berpotensi melakukan sebarang kesalahan yang ditetapkan di dalam ini; dan/atau
 - iii. Kakitangan HLB dan/atau HLISB secara tetap dan kontrak dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka.

KAEDAH PROMOSI

7. Pelanggan yang telah membuat perletakan deposit berkisar antara Amaun Perletakan FD/FD-i minimum dengan Amaun Perletakan FD/FD-i maksimum (“Amaun Perletakan FD/FD-i”) seperti ditetapkan dalam jadual berikut ke dalam Akaun FD/FD-i baharu masing-masing bagi Tempoh FD/FD-i seperti ditetapkan di bawah semasa Tempoh Promosi adalah layak menikmati Kadar Tambahan yang sepadan (“**Pelanggan Layak**”):

Tempoh FD/FD-i	Akaun FD/FD-i	Kadar Tambahan (setahun)	Amaun Peletakan FD/FD-i Minimum	Amaun Peletakan FD/FD-i Maksimum
6 Bulan	FD Konvensional / Deposit Tetap-i	+0.30%	RM1,000	RM100,000

12 Bulan	FD Konvensional / Deposit Tetap-i	+0.30%	RM1,000	RM100,000
----------	-----------------------------------	--------	---------	-----------

Bagi mengelakkan keraguan, hanya perletakan pertama Amaun Perletakan FD/FD-i oleh Pelanggan Layak akan berhak menikmati Kadar Tambahan.

8. Kadar Tambahan +0.30% akan diberi di samping kadar FD/FD-i lazim yang sedia ada bagi tempoh 6 Bulan dan 12 Bulan sepetimana ditentukan oleh Bank semasa peletakan deposit dalam Tempoh Promosi.
9. Pelanggan Layak dikehendaki menamakan CASA/CASA-i yang diselenggara dengan Bank di bawah nama individu Pelanggan Layak bagi tujuan pengkreditan faedah / keuntungan yang diperolehi bagi Promosi ini. Faedah / keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA-i namaan Pelanggan Layak setiap bulan.
10. Amaun Perletakan FD/FD-i minimum ialah **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** dan Amaun Perletakan FD/FD-i maksimum ialah **Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000)**. Sekiranya mana-mana Amaun Perletakan FD/FD-i melebihi Amaun Perletakan FD/FD-i maksimum yang ditetapkan, maka jumlah lebihan itu akan tertakluk kepada kadar FD/FD-i lazim sepetimana ditentukan oleh Bank dan jumlah lebihan itu tidak akan layak menikmati Kadar Tambahan +0.30%.
11. Pada tarikh matang, Amaun Perletakan FD/FD-i pokok akan diperbaharui secara automatik tertakluk kepada kadar FD/FD-i lazim masing-masing.
12. Pengeluaran sebahagian Amaun Perletakan FD/FD-i tidak dibenarkan.
13. Amaun Perletakan FD/FD-i TIDAK boleh digunakan sebagai sandaran bagi tujuan mencagarkan sebarang kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan.
14. Sekiranya Amaun Perletakan FD/FD-i ditarik keluar sebelum tarikh matang Tempoh FD/FD-i, maka peraturan Persatuan Bank-bank dalam Malaysia (“**ABM**”) khususnya Seksyen E(v) akan diguna pakai:-
 - (a) Faedah/keuntungan tidak akan dibayar bagi mana-mana Amaun Perletakan FD/FD-i yang ditarik keluar sebelum genap tiga (3) bulan; dan
 - (b) Sekiranya Amaun Perletakan FD/FD-i ditarik keluar dalam bulan keempat (ke-4) ke atas, Pelanggan Layak akan menerima 50% daripada faedah/keuntungan Amaun Perletakan FD/FD-i yang diperolehi bagi bulan-bulan genap atas Amaun Perletakan FD/FD-i pokok sahaja.
 Bank berhak menolak balik dan memotong amaun setara dengan faedah/keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan Layak bagi Amaun Perletakan FD/FD-i yang dikeluarkan pramatang daripada Amaun Perletakan FD/FD-i pokok semasa pengeluaran dibuat.

Pelanggan HLISB akan dianggap telah bersetuju mengetepikan haknya untuk menuntut Harga Jualan penuh bagi mana-mana pengeluaran FD-i sebelum tarikh matang.

UMUM

15. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:
 - i) telah membaca, memahami dan mematuhi Terma dan Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun HLB/HLISB dan Terma & Syarat Akaun FD/FD-i;
 - ii) keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan Layak dan sebarang surat-menjurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayani;
 - iii) mengakses laman web HLB di www.hlb.com.my dan / atau laman web HLISB di www.hlisb.com.my (“**laman web Bank**”) dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan dan pindaan kepada Terma & Syarat;
 - iv) faedah / keuntungan yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barang; dan
 - v) bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi.
16. Bank berhak:
 - (i) pada bila-bila masa dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalender untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, menurut budi bicara Bank dengan cara menyiarkan pindaan Terma & Syarat itu dalam laman web Bank, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank;
 - (ii) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan atau Pelanggan Layak atas apa jua sebab sekalipun, yang dianggap wajar atas budi bicara mutlaknya, daripada menyertai Promosi tanpa memberi sebarang sebab;

- (iii) melupuskan faedah / keuntungan yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun Bank dan Terma dan Syarat Akaun FD/-i.
17. Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dengan Terma dan Syarat Am Akaun, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
18. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka Terma & Syarat dalam laman sesawang Bank hendaklah diutamakan.
19. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
20. Perkataan yang menandakan satu gender termasuk semua gender lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Akaun Gaji/-i Sertaan dan Deposit Tetap/-i adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”)